

PELAJARAN 9

IHSAN TERHADAP IBU BAPA (Surah Luqman Ayat 14-15)



Intisari Ayat

- ❖ Allah menjelaskan mengenai nasihat Luqman kepada anak lelakinya supaya bersyukur kepada Allah.
- ❖ Setiap anak wajib melayani kedua ibu bapanya dengan cara yang baik untuk membalas jasa mereka.

Hak dan Kewajipan Anak Terhadap Ibu Bapa

- ❖ Mentaati kedua-dua ibu bapa selagi tidak bercanggah dengan perintah Allah.
- ❖ Menunaikan amanah yang dipertanggungjawabkan.
- ❖ Mendoakan kebaikan untuk mereka

Cara-cara Berbuat Baik Kepada Ibu Bapa

- ❖ Sentiasa menziarahi mereka sekiranya tinggal berasingan dengan mereka.
- ❖ Sentiasa berhubung dan bertanya khabar melalui teknologi terkini seperti panggilan video, skype dan sebagainya.

Kepentingan Berbuat Baik Kepada Ibu Bapa

- ❖ Mendapat kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.
- ❖ Melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia.
- ❖ Melahirkan pemimpin negara yang prihatin terhadap warga tua.

Usaha-usaha dan Tindakan Untuk Berbuat Baik Kepada Ibu Bapa Semasa Hayat dan Selepas Kematian Mereka



Semasa Hayat	Selepas Kematian
• Berbuat baik kepada mereka dalam segala urusan • Sentiasa menjaga nama baik mereka • Sanggup mengorbankan harta benda demi kebahagiaan mereka.	• Berdoa untuk kesejahteraan mereka • Menziarahi kubur mereka • Menghubungkan silaturrahim dengan sahabat handai mereka

Pengajaran ayat

1. Setiap muslim hendaklah bersyukur kepada Allah diatas kurniaan nikmat yang banyak terutamanya nikmat iman.
2. Setiap anak wajib mengeratkan hubungan silaturrahim dengan kedua ibu bapanya walaupun ibu bapa itu bukan muslim.
3. Kita hendaklah mentaati kedua ibu bapa selagi perintahnya tidak bercanggah dengan perintah Allah.

LATIHAN PENGUKUHAN

1. Jelaskan intisari daripada ayat diatas. (2 markah)
2. Terangkan **dua** kepentingan berbuat baik kepada ibu bapa. (4 markah)

Anak menghantar kedua ibu bapanya ke rumah
kebajikan orang tua

3. Berdasarkan kenyataan di atas, apakah faktor yang menyebabkan perkara di atas berlaku? Berikan hujah dan ulasan anda beserta contoh. (6 markah)

Jawapan:

1. Intisari ayat ayat di atas ialah:
 - Allah menjelaskan mengenai nasihat Luqman kepada anak lelakinya supaya bersyukur kepada Allah.
 - Setiap anak wajib melayani kedua-dua ibu bapanya dengan cara yang baik.
2. Dua kepentingan berbuat baik terhadap ibu bapa ialah:
 - Melahirkan insan yang prihatin **(ISI)** terutamanya kepada golongan warga tua.**(HURAIAN)**
 - Melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia **(ISI)** agar hidup aman bahagia **(HURAIAN)**

- 3 Jawapan soalan KBAT:

Anak –anak menghantar kedua ibu bapanya ke rumah orang tua kerana	
Isi	Mereka ingin pastikan kedua ibu bapa mereka dalam keadaan yang terurus dan selamat.
Huraian	Ini kerana mereka sibuk bekerja sehingga tidak berkesempatan untuk menjaga kehidupan orang tua mereka
Huraian lengkap	Contohnya dari aspek pemantauan kesihatan fizikal dan mental, keselamatan tinggal berseorangan di rumah dan pengisian aktiviti yang bermanfaat
Dalil	Sebagaimana hadis yang bermaksud: <i>Allah redha dengan redha kedua ibu bapa dan Allah murka dengan dengan sebab murka kedua ibu bapa</i> (Riwayat al-Tirmizi)
Huraian dalil/contoh	Berdasarkan dalil ini, anak-anak berusaha melakukan sesuatu untuk memastikan kehidupan orang tua mereka terjamin sehingga ibu bapa merasa redha dengan tindakan mereka

Rumusan	Kesimpulannya, walaupun anak-anak dibolehkan membayar kepada pihak lain untuk menjaga ibu bapa mereka, kewajipan memelihara ibu bapa perlulah dipatuhi agar hidup diberkati Allah.
---------	--